

Kolokium Sehari Tenaga Akademik Muda

**“Bidang Akademik Sebagai
Kerjaya : Cabaran Masa
Depan ”**

15 September 2003 (Isnin)

8.30 pagi – 4.30 petang

Bilik Majlis UKM

**Anjuran Program Malim Sarjana
ATMA**

“Apa ditunggu, turut serta, berkongsilah pengalaman anda dengan kami. Tiada siapa yang membela anda melainkan diri anda sendiri. Ketahuilah hak anda sebagai seorang pensyarah dan hayatilah segala peraturan yang berkaitan dengan kerjaya anda. Masa depan anda di tangan anda sendiri”



Latar Belakang

Tenaga akademik muda merupakan aset yang besar dan penting kepada UKM. Mereka dianggap sebagai pelapis kepada kepimpinan akademik khasnya dan kepimpinan universiti amnya. Salah satu usaha pihak universiti ialah menggalakkan penubuhan Program Malim Sarjana (MAS) sebagai pentas para Profesor membimbing mereka kepada liku-liku tugas sebagai ahli akademik seperti proses membentuk kesarjanaan dan keupayaan penyelidikan. Dalam pada itu juga Profesor terlibat memandu mereka dalam menghadapi cabaran sebagai tenaga akademik demi menuju kemajuan kerjaya seperti menentukan bidang pengkhususan tertentu untuk kenaikan pangkat. Namun begitu ada ranjau-ranjau yang perlu mereka rempuhi. Ada tenaga akademik muda belum berkesempatan menyertai MAS. Ini disebabkan sama ada program MAS tiada di Fakulti atau mereka sendiri tidak mempunyai kesempatan untuk menyertainya. Dalam waktu yang sama, sama ada disedari atau tidak, banyak masalah dan persoalan yang mereka perlu hadapi dalam proses membina kesarjanaan dan pembangunan kerjaya. Bagi yang menyedari masalah kerjaya di manakah saluran untuk menyatakan permasalahan tadi? Bagi yang tidak menyedari adakah mereka perlu terus pasif dan berdiam diri? Justeru itu, kolokium ini mengundang dan memberi peluang kepada tenaga akademik muda menyertainya sebagai ruang untuk menyatakan masalah masing-masing secara formal. Pengerusi kolokium merancang membawa rumusan kolokium kepada pimpinan Universiti untuk pertimbangan yang lebih berkesan.

Tujuan

Tujuan kolokium ini ialah :-

1. Untuk mendedahkan kepada tenaga akademik muda mengenai peluang-peluang yang ada bagi membangun kerjaya mereka yang lebih cemerlang.
2. Membincangkan masalah-masalah yang mereka hadapi.
3. Mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang telah dikemukakan.

Peserta dan Bayaran Pendaftaran

Terbuka kepada semua tenaga pensyarah muda khususnya yang belum dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya. Bayaran dikenakan hanya RM30.00 seorang untuk perbelanjaan logistik, alat tulis dan kos jamuan. Penyertaan dihadkan kepada 70 orang sahaja berdasarkan siapa yang mendaftar dahulu.

Untuk tujuan pendaftaran sila hubungi :

Encik Jalaluddin Abdul Malek
Encik Mohamad Fauzi Sukimi
Pusat Pengajian Sosial
Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan
Kemasyarakatan (FSSK) UKM Bangi.

Tel : 03-89215616 (Jalaluddin)
Tel : 03-89213663 (Fauzi)
E-mail : jbam@pkrisc.cc.ukm.my
E-mail : fauzi@pkrisc.cc.ukm.my

Program

Tarikh: 15 September 2003 (Isnin)

Tempat: Bilik Mesyuarat Majlis UKM

Masa: 8.30 pagi – 4.30 petang

8.30 pagi – 9.00 pagi	-Pendaftaran
9.00 pagi – 9.30 pagi	-Perasmian oleh Ybhg. Dato' Naib Cancellor
9.30 pagi – 10.00 pagi	-Minum pagi
10.00 pagi – 11.30 pagi	-Sesi 1: Hak dan tanggung jawab kakitangan akademik Oleh Penasihat Undang-Undang UKM
11.30 pagi – 1.00 petang	-Sesi 2: Sistem Saraan Malaysia (SSM) Oleh Pendaftar UKM
1.00 petang – 2.00 petang	-Makan tengahari
2.00 petang – 3.30 petang	-Sesi 3: Proses Kesarjanaan Oleh Ybhg. Dato' Pengarah ATMA
3.30 petang – 4.30 petang	-Sesi 4: Perbincangan dan Usulan Moderator: Ybhg. Dato' Pengarah ATMA Encik Taib bin Abu (Tim. Pendaftar)
4.30 petang	-Bersurai

`Sudilah kiranya anda menjawab soalan-soalan di bawah ini dan email terus kepada Encik Mohamad Fauzi Sukimi. Jika anda telah menjawab pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih`.

1. Adakah anda jelas dengan syarat-syarat dan pertimbangan untuk ke jawatan Profesor Madya dan Profesor ? (tandakan)

- 1. Sangat jelas
- 2. Jelas
- 3. Kurang jelas
- 4. Tidak jelas
- 5. Sangat tidak jelas

2. Adakah anda menghadapi masalah untuk pengesahan jawatan ?

- 1. Tidak
- 2. Ya

Jika `YA`nyatakan masalahnya:

.....

3. Setakat mana kefahaman anda mengenai perkara-perkara berikut ? (tandakan di ruang berkenaan)

Perkara	Sangat faham	faham	Kurang faham	Tidak faham	Sangat tidak faham
AUKU					
Falsafah & Matlamat Universiti					
Perintah Am (General Order)					
Sistem Saraan Malaysia					
Pekeliling Jabatan					
Pekeliling Jawatan					

4. Apakah pandangan anda tentang prosedur pertimbangan memohon peruntukan penyelidikan di UKM ?

Sumber	Sangat mudah	Mudah	Kurang	Ketat	Sangat Ketat
IRPA					
Arus Perdana					
Dana Fakulti					
Dana Pantas					
Lain-lain sumber Nyatakan:					

5. Pada pandangan anda peluang penerbitan dalam jurnal dan buku di UKM

1. Sangat terbuka luas
2. Terbuka luas
3. Kurang
4. Tidak terbuka luas
5. Sangat tidak terbuka luas